

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

THE STAR MIS 5 NATION 23/4/2025 (RABU)

Dzulkefly vows tighter hospital security after review

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.xom.my

PUTRAJAYA: Security at government-run hospitals will be tightened after a comprehensive review is completed, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (pic).

The Health Minister said this comes after an incident where a 22-year-old was caught impersonating an assistant medical officer in Perlis recently.

"The matter is under investigation but such incidents still occur from time to time.

"So, we want to review and tighten the standard operating procedure to prevent a recurrence," he told reporters after the ministry's Hari Raya open house

here yesterday.

On April 8, the youth was nabbed at the compound of Hospital Tuanku Fauziah in Kangar for impersonating an assistant medical officer.

Based on initial investigations, the man allegedly purchased the medical attire and a bag of medical equipment online.

Dzulkefly said the review would cover all aspects of security, including the availability of medical items being purchased online.

Asked if additional auxiliary police personnel should be stationed at hospitals, he said this



would be considered during the review.

On a separate matter, he said an announcement on the ePlacement system would be made soon.

"The review of the system and algorithm is at the final stage," he said.

On March 17, the ministry postponed the placement selection for 2,245 permanent medical officer candidates due to technical issues with the ePlacement system.

The existing selection system (which uses the first-come first-served method) will also be replaced with a more transparent and fairer system based on

merit and balancing supply and demand.

Meanwhile, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim held an hour-long meeting with Dzulkefly before attending the ministry's open house.

Dzulkefly said Anwar wanted to be briefed on the ministry's latest developments and reforms.

Among the issues discussed were public healthcare, including the Sarawak Cancer Centre and National Heart Institute as a centre of excellence for cardiac care.

Under Budget 2025, it was announced that the federal government would work with the state government to develop the Sarawak Cancer Centre, which is estimated to cost RM1bil.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M13 7 NEGARA 23/4/2025 (RABU)

RM1 bilion untuk insentif padi

- PM luluskan pemberian itu untuk kekalkan Kedah jelapang padi negara
- Ia boleh merencanakan produktiviti pengeluaran padi

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sudah meluluskan RM1 bilion untuk merencanakan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Menurut Perdana Menteri, peruntukan tersebut diberikan secara berterusan termasuk sebagai insentif khas untuk negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

"Kita sudah beri RM1 bilion secara berterusan," katanya ringkas ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan (KKM) di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor bahawa Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan be-



ANWAR menghadiri majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Putrajaya semalam.

ras negara.

Muhammad Sanusi dipetik sebagai berkata, pihaknya juga menolak cadangan yang dibuat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia) iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara

(KAGUMN).

Katanya, jumlah itu dilihat terlalu rendah berbanding kehilangan hasil yang dikorbankan untuk mengekalkan kawasan tanaman padi dan hutan untuk sumber bekalan air.

Pada 4 Februari lalu, Anwar mengumumkan kerajaan meluluskan RM1 bilion untuk disalur-

kan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif untuk merencanakan produktiviti pengeluaran padi di Kedah.

Menurut Anwar, program peningkatan produktiviti itu akan dilancarkan pada akhir bulan bagi menjamin penambahan produktiviti sawah yang ada.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 3 D/NEGERI 23/4/2025 (RABU)

Ramai doktor pelatih berhenti punca pakar berkurangan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Jumlah doktor atau pegawai perubatan di hospital dan klinik kerajaan yang masih kurang menyebabkan tidak ramai boleh dilatih menjadi pakar bagi memenuhi keperluan pesakit di negara ini.

Kementerian Kesihatan (KKM) secara lazimnya menyediakan sebanyak 1,500 tempat untuk pegawai perubatan menyambung pengajian di universiti awam bagi peringkat Ijazah Sarjana (Master) dan 500 tempat melalui Program Latihan Kepakaran Laluan Paralel setiap tahun.

Bagaimanapun, 2,000 tempat itu tidak dapat diisi sepenuhnya berikutan jumlah pegawai perubatan yang tidak mencukupi di fasiliti kesihatan awam.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof Dr. Jamaluddin Ab Rahman berkata, sektor kesihatan awam kini tidak mempunyai pegawai perubatan mencukupi kerana jumlah doktor pelatih yang berhenti.

Kata beliau, jumlah 2,000



**Peruntukan
daripada KKM
itu ada tetapi
masalahnya
body (pegawai
perubatan)
tidak ada."**

**JAMALUDDIN AB
RAHMAN**



pakar yang ingin dilahirkan setiap tahun itu juga tidak boleh memenuhi keperluan negara.

"Peruntukan daripada KKM itu ada tetapi masalahnya *body* (pegawai perubatan) tidak ada. Selain itu, kita juga menghadapi masalah *trainer* (pelatih). Kita menghadapi masalah *brain drain* (penghijrahan ke fasiliti kesihatan swasta).

"Antara sebab yang jelas adalah gaji di fasiliti kesihatan swasta lebih tinggi tetapi be-

banan kerja lebih rendah dan suasana kerjanya berbeza termasuk beban kerja yang lebih rendah," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, KKM dilaporkan akan menempatkan pakar perubatan kecemasan di 10 buah hospital tanpa pakar di seluruh negara secara berperingkat menjelang Ogos depan.

Dr. Jamaluddin berkata, walaupun tempoh untuk tamat pengajian sebagai doktor pakar adalah empat tahun tetapi

realitinya hanya 50 peratus daripada keseluruhan pelajar itu dapat menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Jika ada 1,000 orang buat latihan, hanya 500 orang sahaja yang akan menamatkan pengajian akan keluar dalam tempoh empat tahun. Lagi 40 peratus orang mungkin mengambil masa sehingga lima tahun dan selebihnya pula hingga enam tahun.

"Malah, mengikut Akta Perubatan 1971 (Akta 50), mereka kerana menjalani pengalaman kerja diawasi (SWE) selama enam bulan. Tempoh itu untuk menilai sama ada individu itu boleh menjadi seorang doktor pakar ataupun tidak," jelasnya.

Beliau berkata, jumlah sebenar doktor pakar yang diperlukan oleh sesuatu hospital tidak boleh ditentukan kerana ia bergantung kepada jumlah kes dan penduduk di kawasan setempat.

"Lagi ramai sememangnya lagi bagus jika ikut logiknya tetapi berapa ramai sepatutnya ada? Bagi saya, hospital daerah pun sepatutnya sudah mempunyai pakar perubatan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH MIS 3 NASIONAL 23/4/2025 (RABU)

Kerajaan sudah lulus RM1b untuk tingkat pengeluaran padi di Kedah

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi mengulangi kerajaan Persekutuan sudah meluluskan RM1 bilion sebagai insentif melaksanakan program meningkatkan pengeluaran padi di Kedah.

Perdana Menteri berkata, peruntukan itu disalurkan secara berterusan.

“(Kita sudah berikan) RM1 bilion. ‘RM1 bilion on going’ (berterusan),” katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri 2025 Kementerian Kesi-

hatan (KKM) di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor bahawa Kedah akan terus berusaha menuntut bayaran RM200 juta setahun daripada kerajaan Persekutuan sebagai insentif khas atas pengorbanan negeri itu mengekalkan kawasan jelapang padi bagi menjamin bekalan beras negara.

Muhammad Sanusi dilaporkan berkata, pihaknya juga menolak cadangan dibuat Jabatan Peran-

cangan Bandar dan Desa Malaysia (PlanMalaysia), iaitu bayaran sebanyak RM41 juta setahun kepada Kedah melalui Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN).

Februari lalu, Perdana Menteri dilaporkan berkata, peruntukan sebanyak RM1 bilion diluluskan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sebagai insentif melaksanakan program meningkatkan pengeluaran padi di negeri Kedah.

“Usaha kita untuk meningkatkan produktiviti. Kita telah luluskan RM1 bilion untuk MADA ini yang kita akan luncurkan (program berkenaan pada) akhir bulan ini Insya-Allah.

“Ia supaya kawasan sawah yang ada penambahan RM1 bilion itu boleh menjamin penambahan produktiviti.

“Sekurang-kurangnya usaha itu dapat memenuhi daripada sekitar 56 peratus keperluan tempatan sekarang kepada 70 peratus,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

Perlu diberi kebebasan bermain namun tidak terlalu kasar

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
 SHAH ALAM

Kanak-kanak, Muhamad Harris Rayyan Mohd Khusaimi, 7, yang mempunyai masalah jantung berlubang sejak kecil cenderung mengalami tekanan emosi apabila mereka tidak mampu melakukan aktiviti seperti rakan sebaya mereka.

Penolong Profesor dan Ahli Psikologis Klinikal, Jabatan Psikiatri Kuliyah Perubatan



Laporan *Sinar Harian* kisah Harris Rayyan pada 28 Mac lalu.

SINAR HARIAN m/s 20 NASIONAL 23/4/2025 (RABU)

Sakit kronik jejas emosi, mental kanak-kanak

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan, Dr Nadzirah Ahmad Basri berkata, apabila kanak-kanak kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial atau berinteraksi bersama rakan atau keluarga, ia menyebabkan mental dan keyakinan diri mereka terjejas.

"Daripada kecil, kanak-kanak termasuk mereka yang mempunyai penyakit kronik memerlukan ruang sosial untuk berkembang secara sihat termasuk belajar bertoleransi, mengawal emosi dan membina keyakinan diri.

"Bila mereka tidak dapat bermain atau berinteraksi seperti biasa, mereka mungkin rasa sunyi, ketinggalan atau rendah diri," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan anak bongsu daripada

tiga beradik itu menghidap simptom masalah jantung berlubang sejak bayi lagi.

Harris Rayyan dijadualkan menjalani pembedahan jantung berlubang di Institut Jantung Negara (IJN) pada 8 Mei ini.

Ujar Nadzirah, peranan ibu bapa dan ahli keluarga penting dalam memastikan aktiviti harian kanak-kanak seperti Muhammad Harris Rayyan sesuai dengan kemampuan fizikal mereka tanpa terlalu menyekat atau memanjakan mereka.

Menurutnya, langkah berkenaan bertujuan bagi merangsang deria dan kemahiran motor kanak-kanak.



NADZIRAH

"Sebaiknya kanak-kanak perlu diberi kebebasan bermain walaupun tidak terlalu kasar atau memerlukan tenaga fizikal yang banyak.

"Namun, jika ibu bapa, guru atau orang sekeliling dapat pelbagaikan lagi rangsangan deria kanak-kanak, itu sangat baik dalam membantu dari segi perkembangan psikomotor mereka.

"Pada masa sama, menjelaskan kepada kanak-kanak bahawa mereka juga ada had dalam melakukan aktiviti fizikal atau bermain," ujarnya.

Kata beliau, ibu bapa juga terkesan dari segi emosi dan tekanan kewangan kerana penyakit kronik seperti masalah

jantung berlubang memerlukan kos tinggi.

"Sudah tentu keluarga pesakit akan rasa sedih dan risau dengan keadaan anak mereka. Selain memikirkan kewangan, mereka juga perlu ambil cuti untuk berulang-alik ke hospital bagi membuat rutin pemeriksaan dan sebagainya.

"Itu memerlukan pengorbanan dari segi masa, tenaga dan kewangan.

"Sudah tentu mereka memerlukan sokongan sosial daripada orang sekeliling termasuk ahli keluarga, jiran dan rakan-rakan," ujarnya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Maybank Sinar Karangkraf **5642 7652 9068** atau hubungi talian **03-5101 7388** bagi sebarang pertanyaan lanjut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

NST m189 NATION 23/4/2025 (RABU)



A man posing as an assistant medical officer was spotted at Tuanku Fauziah Hospital in Kangar on April 8. PIC FROM HOSPITAL'S FB

UNIFORM AND EQUIPMENT BOUGHT ONLINE

Impostor had 'deep interest' in medical profession, says dept

KANGAR: The state Health Department said a man had posed as an assistant medical officer at Tuanku Fauziah Hospital here earlier this month.

State Health Department director Dr Ghazali Chik said the suspect was spotted at the hospital at 9.28pm on April 8.

"Our investigation found that the man involved is a 23-year-old member of the public not affiliated with the hospital.

"He was wearing a full medical uniform and carrying a medical equipment bag.

"The suspect admitted to purchasing the attire and the equipment online. He claimed he posed as an officer out of a deep personal interest in the profession."

He added that the department notified top management of the incident and lodged a police report the following day.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : VAKSIN

HARIAN METRO m/s 33 23/4/2025 (RABU)

FOTO: FREEMIA.COM

SI BULUS PERLU VAKSIN

Selain tingkat tahap imuniti, ia bantu kucing kurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa maut



KUCING juga perlu vaksin untuk membantu melawan serangan penyakit. - Gambar hiasan

Oleh Fairul Asmali Mohd Pilus
asmali@mediaprima.com.my

Sama seperti manusia, kucing juga memerlukan vaksin untuk membantu haiwan itu melawan serangan penyakit pada masa akan datang.

Tidak kira ia dipelihara di dalam atau di luar rumah, vaksin juga membantu kucing mengurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa kepada kematian.

Ini kerana vaksin membantu meningkatkan tahap imuniti badan kucing khususnya selepas ia berhenti menyusu.

Selain itu, vaksin juga melindungi pemilik daripada dijangkiti penyakit seperti rabies (anjing gila).

Justeru, melakukan langkah pencegahan dengan memberi vaksin kepada kucing sejak awal lagi sekurang-kurangnya mampu mengurangkan risiko jangkitan penyakit berkenaan.

Pemberian vaksin

VAKSIN membantu kucing mengurangkan risiko jangkitan penyakit yang membawa kepada kematian. - Gambar hiasan



kepada kucing kesayangan terbahagi dua kategori iaitu vaksin asas dan bukan asas.

Vaksin asas adalah vaksin yang disarankan bagi semua kucing untuk melindungi daripada penyakit berbahaya dan boleh membawa maut.

Ada empat jenis vaksin kucing dalam kategori ini iaitu Feline Panleucopaenia (FPL), Feline Calicivirus (FCV), Feline Viral Rhinotracheitis (FVR) dan

Rabbies.

FPL adalah vaksin popular bagi mencegah virus parvo manakala FCV pula bagi mencegah penyakit berkaitan saluran pernafasan kucing.

FVR pula vaksin untuk mencegah penyakit kucing yang berjangkit melalui air liur, mata atau hidung dan Rabbies bagi mengatasi jangkitan penyakit yang diketahui boleh menjangkiti manusia.

Ia boleh tersebar dengan gigitan oleh kucing yang dijangkiti virus itu atau luka terbuka yang terkena air liur kucing yang dijangkiti virus berkenaan.

Bagi vaksin bukan asas pula, ada beberapa jenis vaksin lain yang digalakkan untuk diberi kepada si bulus kesayangan anda iaitu Feline Leukemia Virus (FeLV), Chlamydia felis dan Bordetella. Vaksin FeLV

umpamanya penting untuk kucing yang keluar rumah atau bercampur dengan kucing lain.

Manakala vaksin Bordetella disarankan untuk kucing yang berada di tempat perlindungan atau pusat jagaan dan vaksin Chlamydia felis pula dikatakan membantu melawan sejenis bakteria yang menyebabkan konjunktivitis pada kucing serta jangkitan saluran

pernafasan atas.

Dari segi umur pula, usia yang sesuai bagi si bulus mendapat vaksin pertama ialah ketika berumur dua bulan dan berlanjutan sehingga usianya empat bulan.

Apabila mencapai umur dewasa (setahun), si bulus anda masih perlu diberikan vaksin secara tahunan atau setiap tiga tahun sekali.

Sementara itu, ada beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebelum memberikan si bulus anda vaksin bagi mengelakkan sebarang masalah dan komplikasi kesihatan.

Antaranya, kucing anda perlu berumur dua bulan ke atas, dalam keadaan sihat dan tidak demam ketika mengambil suntikan serta mempunyai berat badan mencukupi.

Apa pun, jangan lupa dapatkan nasihat veterinar mengenai pilihan vaksin terbaik yang boleh diberikan kepada si bulus anda demi kesihatan dan kesejahteraan.